



SERAMAI 78 ahli Kelab Rekreasi Universiti Malaysia Pahang yang dikenali T-Rex menganjurkan Kem Induksi T-Rex 2016 dalam menjayakan misi pendakian Gunung Berembun yang mempunyai ketinggian 1,840 meter dari paras laut.

Pendakian bermula dari tapak perkhemahan Kem Sg Pauh mengambil masa tiga jam sebelum peserta yang terdiri siswa tahun satu tiba di puncak Gunung Berembun.

Ketua program, Muhammad Irfan Jaffar, 22 dari Fakulti Elektrik & Elektronik (FKEE) berkata, beliau berpuas hati dengan pencapaian peserta dan berbangga dengan kerjasama yang diberikan sepanjang tiga hari program berlangsung.

"Kelab yang ditubuhkan sejak 2006 ini memfokuskan aktiviti lasak di darat, air dan udara. Penubuhan kelab lebih cenderung kepada aktiviti rekreasi luar yang dapat memberi peluang kepada siswa di kedua-dua kampus iaitu UMP Pekan dan Gambang yang mempunyai minat sama untuk beriadah di samping

berkongsi ilmu dalam melahirkan mahasiswa yang mempunyai kemahiran insan yang cemerlang," katanya.

Sementara itu, peserta program Muhammad Harith Haiqal Ibrahim, 20 dari Fakulti Sistem Komputer dan Kejuruteraan Perisian berkata, program induksi ini dapat memberikan ilmu baharu kepada peserta yang kini mula berjinak-jinak dan meminati kepada sukan lasak seperti mendaki gunung.

Katanya, pengalaman memasak di dalam hutan bersama kumpulan, satu pengalaman baru buat mereka, kerana sebelum ini mereka belum pernah memasak dalam suasana sebegini. Tambahan pula masa yang diberikan terhad, namun mereka berjaya melaksanakan tugas dengan baik hasil kerjasama bersama rakan-rakan.

Selain itu, tip berguna turut

dikongsi dari para fasilitator antaranya cara memasang khemah terbuka, alatan pendakian, tip susunan beg, cara menghidupkan api dan sebagainya.

Manakala salah seorang penggemar sukan lasak yang juga fasilitator, Shahnaz Sakinah Shaiful, 25, siswa tahun 3 dari FKEE turut melahirkan bangga dengan pencapaian kelab ini. Beliau yang dilantik sebagai majlis tertinggi Kelab T-Rex selama dua tahun berharap dapat berkongsi pengalaman dan ilmu berkaitan program rekreasi.

Selain itu, pihaknya juga kini merancang beberapa program lain yang menarik juga berimpak tinggi sepanjang semester ini, melibatkan kolaborasi bersama kelab dan institusi lain. Malahan kelab ini juga aktif mengemas kini laman sosial seperti *instagram @trexofficial* bagi berkongsi pengalaman dengan pihak yang berminat menceburi aktiviti seperti ini.

T-REX tawan puncak Gunung Berembun Cameron